

03 JUL 1999

Najib-Cina

SRJK CINA DIJAMIN TERUS WUJUD

SEGAMAT, 3 Julai (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata soal sama ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina akan terus wujud di negara ini tidak seharusnya ditimbulkan lagi.

Kerajaan tetap akan mengiktiraf sepenuhnya sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, katanya ketika merasmikan Kolej Tunku Abdul Rahman cawangan Johor di sini hari ini.

Najib berkata sistem pendidikan yang diamalkan di negara ini merupakan yang paling adil di dunia serta bertimbang rasa kepada semua kaum.

Menurutnya, kerajaan Barisan Nasional pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertimbang rasa kepada semua kaum dan oleh itu, sekolah-sekolah Cina tidak boleh diganggu gugat oleh sesiapa.

Mengenai Kolej Tunku Abdul Rahman, beliau berkata kerajaan melihat perkembangan kolej itu telah mencapai tahap yang membanggakan.

"Ini daripada segi jumlah pelajar, mutu pendidikan serta mendapat pengiktirafan tinggi dari dalam dan luar negara," kata beliau.

Kerajaan berharap kolej Tunku Abdul Rahman akan menjadi sebagai penyumbang kepada usaha untuk memajukan lagi sistem pendidikan negara dan melahirkan lulusan berkeupayaan tinggi, katanya.

Najib juga berharap kolej yang ditubuhkan oleh MCA itu dapat menjalin kerjasama erat dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

Pada masa ini kolej Tunku Abdul Rahman mempunyai kerjasama dengan Institut Teknologi Mara.

Yang hadir sama ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh serta timbalan-timbalan menteri dari MCA.

-- BERNAMA

MKO MAI